

17 OCT 2003

OIC-Lubnan/I

MAJLIS PERNIAGAAN MALAYSIA-LUBNAN DIBENTUK

PUTRAJAYA, 17 Okt (Bernama) -- Pembentukan Majlis Perniagaan Malaysia Lubnan (MLBC) hari ini dijangka akan melonjak hubungan di kalangan ahli perniagaan kedua-dua buah negara dengan ikatan-ikatan strategik yang bakal dijalin melalui majlis itu.

Pelancaran majlis itu diadakan pada satu majlis di luar Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Lubnan Rafiq Hariri menyaksikan acara menandatangani perjanjian pembentukan majlis itu antara presiden Forum Perniagaan Malaysia Datuk Ismail Shahudin dan presiden kehormat Forum Perniagaan Lubnan Salim Diab.

Pembentukan majlis itu adalah hasil lawatan Dr Mahathir ke Lubnan pada Januari lepas serta rancangan kerajaan Lubnan untuk menarik pelaburan asing.

"Matlamat MLBC adalah untuk merapatkan hubungan dan memajukan kegiatan ekonomi antara peniaga di Malaysia dan Lubnan dan Asia Barart," kata Ismail.

Katanya, Lubnan sedang melaksanakan pembaharuan struktur ekonominya dan usaha itu dijangka akan mengembalikan kegemilangan negara itu sebagai pusat perdagangan dan kewangan serantau.

"Bagi Malaysia, kita mahu meneroka Beirut dan beberapa pelabuhan lain sebagai laluan eksport barangan Malaysia ke rantau berkenaan. Beberapa syarikat kita juga berminat dengan program pembinaan semula Lubnan," katanya.

Salim dalam kenyataannya berkata Lubnan menawarkan peluang kepada peniaga Malaysia untuk melabur dalam berbagai bidang seperti pembinaan, kejuruteraan, pelancongan, pertanian dan teknologi maklumat dan komunikasi.

Beliau berkata Lubnan menyediakan pasaran berorientasikan ekonomi, iklim perniagaan yang selamat, tenaga kerja terlatih dan akses kepada pasaran Timur Tengah.

-- BERNAMA

SR MKO MOZ